



**Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia**

**PENEROKAAN EMOSI KESUNYIAN DAN DAYA TINDAK YANG  
DILAKUKAN DALAM KALANGAN WARGA TUA WANITA DI RUMAH  
SERI KENANGAN SARAWAK**

**NORLELA BINTI MOHAMAD AZLIN  
59460**

**IJAZAH SARJANA MUDA SAINS DAN KEPUJIAN  
(KAUNSELING)  
2019**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: A-

Please tick one

Final Year Project Report ( / )

Masters ( )

PhD ( )


**DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

This declaration is made on the Wednesday day 15<sup>th</sup> May of 2019.

**Student's Declaration:**

I, NORLELA BINTI MOHAMAD AZLIN, 59460, FACULTY OF COGNITIVE SCIENCES AND HUMAN DEVELOPMENT, hereby declare that the work entitled, PENEROKAAN EMOSI KESUNYIAN DAN DAYA TINDAK YANG DILAKUKAN DALAM KALANGAN WARGA TUA WANITA DI RUMAH SERI KENANGAN SARAWAK is my original work. I have not copied from any other student's work or from any other sources with the exception when due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part of the work been written for me by another person.

25 September 2019



\_\_\_\_\_  
NORLELA BINTI MOHAMAD AZLIN 59460

**Supervisor's Declaration:**

I, PROF DR MOHAMED SHARIF MUSTAFFA, hereby certify that the work entitled, PENEROKAAN EMOSI KESUNYIAN DAN DAYA TINDAK YANG DILAKUKAN DALAM KALANGAN WARGA TUA WANITA DI RUMAH SERI KENANGAN SARAWAK was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a partial/ full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF COUNSELING WITH HONOUR, and aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:

  
(YYYYYY)

Date:

25/09/2019

I declare the Project/Thesis is classified as (Please tick (/)):

I declare the Project/Thesis is classified as (Please tick (/)):

CONFIDENTIAL (contains confidential information under the Official Secret Act 1972)

RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where

Research was done)

OPEN ACCESS

I declare this Project/Thesis is to be submitted to the Centre for Academic Information Service (CAIS) and uploaded into UNIMAS Institutional Repository (UNIMAS IP) (Please tick (/)):

YES


NO

#### Validation of Project/Thesis

I hereby duly affirmed with free consent and willingness declared that this said Project/thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Service with the abide interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Unoversiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Service has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic and research purposes only and not for other purposes.
- The Centre for Academic Information Service has the lawful right to digitize the content to be uploaded into Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Service has the lawful right to make copies of the Project/Thesis if required fot use by other parties for academic purposes or by other Higher Learning Institutes.
- No dispute or any claim shall arise from the student himself / herself neither a third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student himself / herself without first obtaining approval from UNIMAS.

Student's signature :




Date: 25 September 2019

Supervisor's signature:

25/9/2019

Date:



**PENEROKAAN EMOSI KESUNYIAN DAN DAYA TINDAK YANG  
DILAKUKAN DALAM KALANGAN WARGA TUA WANITA DI RUMAH  
SERI KENANGAN SARAWAK**

**NORLELA BINTI MOHAMAD AZLIN**

**59460**

**This project is submitted in partial fulfillment of the requirements for a  
BACHELOR OF COUNSELING WITH HONOUR**

**FACULTY OF COGNITIVE SCIENCES AND HUMAN DEVELOPMENT  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

**2019**

This project entitled “penerokaan emosi kesunyian dan daya tindak yang dilakukan dalam kalangan warga tua wanita di rumah seri kenangan sarawak was prepared by Norlela Binti Mohamad Azlin and submitted to the Faculty of Cognitive Sciences and Human Development in partial fulfillment of the requirementa for a bachelor of counseling with honour.

Received for examination by,



DATE:  
25/09/2019

Grade A-
-------------

## SENARAI JADUAL

Jadual 1	Butiran subjek-subjek yang telah ditemubual	38
Jadual 2	Struktur dapatan subtema, tema dan domain	39
Jadual 3	Struktur dapatan subtema, tema dan domain	46

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah 1</b>	<b>Kerangka Konseptual Kajian Emosi Kesunyian di Kalangan Warga Tua</b>	<b>10</b>
----------------	---	-----------

**PENEROKAAN EMOSI KESUNYIAN DAN DAYA TINDAK YANG  
DILAKUKAN DALAM KALANGAN WARGA TUA WANITA DI RUMAH  
SERI KENANGAN SARAWAK**

*Norlela Binti Mohamad Azlin<sup>a</sup>, Prof Dr Haji Mohamed Sharif Bin Haji Mustaffa<sup>b</sup>*

*Department of Counseling, Faculty of cognitive sciences and human development,  
universiti malaysia sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.*

---

**Abstrak**

Kesunyian merupakan perasaan yang tidak menyenangkan bagi setiap warga tua, terutamanya warga tua yang menetap di rumah kebajikan di mana warga tua tersebut akan merasa kekosongan dan sendirian dalam kehidupan seharian. Kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka mengenai punca-punca emosi kesunyian dan daya tindak yang dilakukan dalam kalangan warga tua wanita di Rumah Seri Kenangan Kota Samarahan Sarawak. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian kualitatif secara kajian kes dengan temubual separa berstruktur yang secara mendalam yang melibatkan 5 orang warga tua wanita. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa warga tua wanita yang tinggal di rumah kebajikan terdapat mengalami emosi kesunyian yang boleh mengganggu emosi, perasaan dan sosial warga tua. Dari segi daya tindak yang dilakukan oleh warga tua yang mereka menggunakan pelbagai alternatif sendiri dalam mengurangkan emosi kesunyian dengan beberapa aktiviti yang boleh dilakukan oleh mereka dengan kadar kemampuan warga tua. Kesimpulannya, sokongan dari segi emosi, fizikal, dan psikologi amatlah diperlukan oleh warga tua kerana demi kekuatan dalaman untuk membentuk sikap yang positif apabila berhadapan dengan emosi kesunyian serta sokongan daripada keluarga juga adalah perkara yang paling penting dalam diri warga tua itu untuk jauh daripada kesunyian.



**PENEROKAAN EMOSI KESUNYIAN DAN DAYA TINDAK YANG  
DILAKUKAN DALAM KALANGAN WARGA TUA WANITA DI RUMAH  
SERI KENANGAN SARAWAK**

*Norlela Binti Mohamad Azlin<sup>a</sup>, Prof Dr Haji Mohamed Sharif Bin Haji Mustaffa<sup>a</sup>*

*Department of Counseling, Faculty of cognitive sciences and human development,  
universiti malaysia sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.*

---

**ABSTRACT**

Loneliness is disagreeable feeling for every elderly person, especially the elderly who live in a welfare home where the elderly will feel empty and alone in daily life. The study was conducted to explore the causes of loneliness and coping conducted in the elderly in Rumah Seri Kenangan Kota Samarahan Sarawak. The methodology study used is a qualitative study with case studies with a partially structured semi-structured interview involving 5 elderly women. The results show that elderly people living in welfare homes are experiencing emotional loneliness that can disturb the emotions, feelings and social of the elderly. In terms of coping performed by the elderly that they use various alternatives themselves in reducing emotional loneliness with some activities that can be done by them with the ability of the elderly. In conclusion, emotional, physical, and psychological support is needed by the elderly because of the inner strength to form positive attitudes when dealing with emotional loneliness as well as support from the family is also the most important thing in the elderly to far away from the loneliness.

## PENGHARGAAN

Saya rasa sangat bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpahan kurniaan Allah dan bantuan daripada beberapa pihak. Saya telah berjaya menyiapkan Laporan Projek Tahun Akhir saya ini yang bertajuk penerokaan emosi kesunyian dan daya tindak yang dilakukan dalam kalangan warga tua wanita di rumah seri kenangan sarawak.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia Projek Tahun Akhir saya iaitu Prof Dr Haji Mohamed Sharif Bin Haji Mustaffa yang telah banyak memberi sokongan dan membantu saya serta memberi segala bagi tunjuk ajar dan kerjasama yang tidak terhingga dalam menjayakan penyelidikan ini.

Tidak lupa ucapan penghargaan kepada kedua ibu bapa saya dan keluarga saya kerana mereka sentiasa memberi sokongan kepada saya dari segi kewangan dan rohani. Mereka juga banyak menitipkan doa-doa untuk kesejahteraan saya yang tidak pernah berhenti walau di mana pun saya berada.

Saya juga ingin memberi penghargaan kepada rakan-rakan saya yang sanggup menolong saya dalam berkongsi ilmu dan maklumat mengenai penghasilan laporan penyelidikan sehingga penghujungnya. Segala bantuan yang diberikan, saya amat menghargainya dan berterima kasih.

Akhir sekali, sebelum menutup bicara yang saya ingin berterima kasih sekali bagi sesiapa yang terlibat dengan pembikinan Projek Tahun Akhir saya ini seperti pihak Jabatan Kebajikan Malaysia Sarawak, Rumah Orang-orang Tua Seri Kenangan Kota Samarahan Sarawak, warga tua wanita yang telah ditembual dan semua yang turut membantu. Kesudian anda dalam membantu saya amat dihargai.

## ISU KANDUNGAN

1.0 Pengenalan.....	1
1.1 Latarbelakang Kajian.....	4
1.2 Penyataan Masalah.....	7
1.3 Objektif Kajian.....	9
1.4 Persoalan Kajian.....	9
1.5 Kerangka Kerja Konseptual Kajian.....	10
1.6 Definisi Istilah.....	11
1.7 Kepentingan Kajian.....	12
1.8 Batasan Kajian.....	14
1.9 Rumusan.....	14
2.0 Pengenalan.....	15
2.1 Teori Untuk Kesunyian.....	16
2.2 Warga tua Wanita dan Kesunyian.....	17
2.3 Jenis-jenis Kesunyian.....	20
2.4 Punca-punca Emosi Kesunyian.....	21
2.4.1 Ciri-ciri peribadi.....	21
2.4.2 Pengalaman masa silam.....	22
2.4.3 Sosial dan kognitif.....	22
2.5 Kesan-kesan Kesunyian.....	23
2.6 Daya Tindak Dalam Menghadapi Emosi Kesunyian.....	24
2.7 Rumusan.....	27
3.0 Pengenalan.....	28
3.1 Reka Bentuk Kajian.....	28
3.2 Langkah-langkah Penyelidikan.....	30
3.3 Tempat Kajian.....	31
3.4 Sampel Bertujuan.....	31
3.5 Protokol Temubual.....	33
3.6 Analisis Data.....	35
3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian.....	36
3.7.1 Kesahan.....	36
3.7.2 Kebolehpercayaan.....	36
3.8 Rumusan.....	37

4.1 Demografi Subjek.....	38
4.2 Dapatan Analisis Data.....	39
4.3 Rumusan.....	52
5.1 Pengenalan.....	53
5.2 Demografi subjek.....	53
5.3 Punca-punca emosi kesunyian dalam kalangan warga tua wanita.....	54
5.4 Daya tindak dalam menghadapi emosi kesunyian dalam kalangan warga tua wanita.....	57
5.5 Impikasi Kajian.....	59
5.6 Rumusan.....	60
5.7 Cadangan Kajian.....	60
5.8 Kesimpulan Kajian.....	61
RUJUKAN.....	63
LAMPIRAN	

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.0 Pengenalan

Warga tua merupakan warga yang telah berumur dalam 60 tahun ke atas dan juga merupakan golongan yang telah menghadapi pelbagai rintangan hidup mahupun pengalaman yang mereka perolehi sepanjang mereka hidup sama ada pengalaman pahit atau manis. Namun, mereka menghabiskan sisa-sisa hidup mereka sama ada tinggal di pusat jagaan warga tua atau perlindungan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan atau tinggal bersama di rumah keluarga mereka. Perbezaan tersebut akan mengganggu atau mempengaruhi perasaan kesunyian mereka kerana sepatutnya pada usia mereka sebegini akan hidup dengan penuh rasa bermakna, kasih sayang, senang hati dan gembira bersama keluarga mereka yang tercinta. Warga tua yang tidak tinggal di pusat-pusat jagaan orang tua atau di luar rumah rumah kebajikan dikatakan bahawa warga tua akan gembira, tidak merasakan kesunyian dan selesa bersama keluarga tercinta serta kurang memikirkkan mengenai soal kematian berbanding dengan mereka yang tinggal di rumah perlindungan (Amran, Noriah & Zubaidah, 2013).

Kesunyian merupakan kebimbangan yang ketara di kalangan warga tua, terutamanya dalam kalangan masyarakat yang semakin pesat dalam arus kemodenan. Ianya kerana ramai warga tua yang tidak lagi dijaga oleh anak-anak mereka atau mereka akan dihantar ke pusat-pusat penjagaan warga tua atau warga emas samada ada pusat jagaan tersebut di bawah kelolaan kerajaan atau pun

swasta (Siti Marziah, Khadijah & Nasrudin, 2013). Kesunyian juga ialah konsep kompleks yang digambarkan sebagai, keadaan emosi aversive akibat daripada persepsi keperluan peribadi dan sosial yang tidak dipenuhi dan boleh mengakibatkan daripada mengubah gaya hidup dengan penuaan, kematian orang yang tersayang akan mengurangkan rangkaian sosial dan kebimbangan institusionalisasi, status kewangan dan kemerosotan kesihatan (Lisa, Duck-Hee & Sandy, 2015).

Terdapat banyak faktor yang tidak dijangkakan akan ada apabila perasaan kesunyian itu timbul. Antara faktornya ialah daripada karakter individu atau personaliti individu itu, sama ada dalam budaya dan nilai yang dipegang atau diamalkan oleh seseorang individu itu. Kehidupan baru yang harus ditempuhi oleh mereka di rumah perlindungan inilah yang harus mereka tempuhi sampailah ke saat mereka menemui ajal atau saat kematian. Namun, warga tua pada ketika ini atau pada tahap ini memerlukan penjagaan yang secara fizikal ataupun bukan secara fizikal untuk mereka hidup yang lebih tenang. Penjagaan secara fizikal adalah merujuk kepada pemberian kewangan, tempat tinggal, alat pergerakan, makanan, alat komunikasi, pengangkutan dan pakaian. Manakala penjagaan bukan secara fizikal ialah merujuk kepada penjagaan semasa sakit, penjagaan harian, komunikasi dan tempat mengadu masalah mereka. Penjagaan ataupun sokongan tersebut akan membuatkan mereka mempunyai perasaan yang lebih dihargai dan tidak seperti disisihkan. Masyarakat pada masa kini yang mempunyai sikap yang amat mementingkan diri sendiri telah melahirkan satu kelompok komuniti yang kian renggang dalam perhubungan persaudaraannya, kepada ahli keluarga sendiri dan juga kepada anggota masyarakat (Amran, Noriah & Zubaidah, 2013).

Mereka yang mengalami kesunyian ini kebanyakannya adalah kerana mereka tidak dipedulikan oleh mereka sama ada keluarga mereka yang terdekat ataupun yang jauh dan mereka ini yang tinggal secara keseorangan tanpa ditemani oleh sesiapa sahaja. Oleh itu, mereka akan mengalami perasaan yang kecewa, sedih, membawa diri dan perasaan yang kosong kerana mereka menganggap yang mereka hanya mempunyai diri mereka sendiri sahaja (Amran, Noriah & Zubaidah, 2013). Keluarga dan masyarakat amat mengambil mudah mengenai hal kesunyian ini tentang tahap kekerapan dan kesunyian yang dialami oleh warga tua. Serta golongan yang mengalami kesunyian ini selalu sahaja diperkecilkan ataupun dipersendakan oleh segelintir masyarakat, tetapi secara realitinya bahawa perasaan kesunyian ini boleh mendatangkan kesan yang negatif kepada fizikal, sosial dan emosi seseorang itu. Malah, kesunyian itu boleh meningkatkan kadar kematian dan itu adalah perkara yang amat mengejutkan (Siti Marziah, Khadijah & Nasrudin, 2013).

Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan adalah untuk melihat punca-punca emosi kesunyian yang dialami di kalangan warga tua serta daya tindak yang diambil oleh mereka untuk menangani atau mengatasi terhadap emosi yang dialami oleh mereka. Segala aspek tersebut sememangnya wujud dalam diri mereka masing-masing, ianya akan mempengaruhi corak kehidupan seharian mereka sama ada mereka dapat untuk bertindak dalam keadaan yang positif ataupun yang negatif.

## 1.1 Latarbelakang Kajian

Isu mengenai warga tua di Malaysia mahupun di luar negara juga sering mempunyai risiko untuk mengalami kesunyian kerana atas perubahan hidup dan kehilangan kehidupan mereka yang dilalui oleh mereka dariapada sekian lama dahulu. Kehidupan mereka sebelum ini adalah seperti mereka mempunyai pekerjaan yang mereka lakukan dan menyara anak-anak mereka tetapi sekarang ianya telah berubah sepenuhnya apabila anak-anak mereka telah besar dan mempunyai kerja dan segala cita-cita yang diimpikan telah musnah. Malah, warga tua yang menetap ataupun yang tinggal di rumah penjagaan adalah lebih tinggi risikonya kepada warga tua untuk mengalami kesunyian kerana mereka telah berjauhan dengan anak-anak mereka dan keluarga terdekat mereka. Tetapi ianya amat teruk atau parah apabila mereka diabaikan oleh anak-anak mereka dan keluarga terdekat mereka yang langsung tidak menunjukkan keprihatian (Siti Marziah, Khadijah & Nasrudin, 2013).

Warga tua juga turut mengalami kemerosotan dalam diri mereka dari segi psikologi, biologi, sosial dan fizikal sehingga menyebabkan mereka menjadi seorang individu yang amat kerap bimbang, anti sosial, cerewet, berfikiran kolot, defensif dan mereka hanya merasakan bahawa diri mereka sahaja yang senantiasa betul. Disebabkan perkembangan sebeginilah mereka akan dijauhkan oleh orang-orang yang terdekat dan juga menyebabkan golongan seperti mereka akan berasa sunyi. Gaya hidup yang sihat bagi orang yang dalam keadaan kesunyian ini, secara psikologi dan fizikal amat memainkan peranan yang penting dalam diri individu tersebut kerana ianya untuk kesejahteraan diri mereka juga (Amran, Noriah & Zubaidah, 2013).



Amran, Noriah & Zubaidah (2013) menjelaskan bahawa sesiapa sahaja boleh mempunyai emosi atau perasaan kesunyian ini yang tidak mengira usia dan boleh mengalaminya pada bila-bila masa juga tetapi ianya bergantung pada peristiwa dan pengalaman yang dihadapi atau yang dialami oleh seseorang individu selama ini. Malah, dikatakan juga bahawa perasaan sunyi akan dialami oleh setiap manusia hanya sekali dalam hidup mereka kerana dalam semua aspek kehidupan yang ianya hanyalah sebagai rasa keperluan terhadap orang lain. Terdapat perbezaan pada warga tua dari segi persekitaran dan suasana kerana ianya akan mempengaruhi pemikiran dan melahirkan ketakutan terhadap peringkat kematian. Perbezaan tersebut adalah dari segi warga tua yang tinggal di rumah penjagaan dan yang tinggal di luar rumah penjagaan warga tua. Ianya kerana warga tua yang tinggal di rumah penjagaan akan memikirkan dan risau dalam soal kematian manakala warga tua yang tinggal di luar rumah penjagaan tidak banyak memikirkan soal kematian kerana mereka hidup dalam persekitaran yang banyak aktiviti yang dilakukan oleh mereka.

Tekanan emosi dan konflik yang dialami oleh warga tua adalah diakibatkan oleh pengalaman yang dialami atau yang dilalui oleh mereka pada masa lampau. Antara pengalaman yang dilalui oleh mereka pada masa terdahulu ialah seperti disingkirkan atau dibuang oleh keluarga sendiri, perpisahan dengan anak-anak dan berlaku penceraian. Disebabkan pengalaman yang dialami oleh mereka itu, ianya boleh menjadi antara punca-punca dalam tekanan emosi yang ianya boleh membawa kepada emosi kemurungan dan kesunyian. Warga tua yang dalam sedih, kesal dan kecewa ini boleh meninggalkan kesan negatif kepada kesejahteraan fizikal dan psikologi mereka (Siti Marziah, Khadijah & Nasrudin, 2013).

Pada kajian-kajian lepas menurut Eric, Theo & Tineke (2012) menyatakan bahawa sumber individu seperti keyakinan diri akan mengalami ke tahap kesunyian yang rendah. Penerangan mengenai sumber individu boleh memperbaiki atau meningkatkan peluang seseorang itu dalam melakukan daya tindak yang berjaya atau yang berkesan dalam masalah seperti kesunyian. Warga tua yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi akan berfikiran lebih banyak cara-cara untuk melakukan daya tindak untuk mereka capainya daripada warga tua yang mempunyai keyakinan diri yang rendah. Mempunyai dua dimensi yang utama dalam usaha daya tindak yang dilakukan. Dimensi yang pertama ialah daya tindak yang aktif dan merujuk kepada semua usaha untuk mengubah kesukaran persekitaran seseorang dalam hubungan sama ada untuk diperbaiki ataupun menyingkirkan sumber-sumber tekanan melalui tingkah laku seseorang tersebut. Dimensi yang satu lagi ialah aturan daya tindak dan merujuk kepada semua usaha-usaha untuk mengurangkan kemungkinan tekanan yang berlaku (Eric, Theo & Tineke, 2012).

Terdapat dua cara umum di mana orang boleh mengatasi kesunyian yang dialami oleh warga tua tersebut. Terdapat jurang diantara hubungan mereka dan orang-orang yang mereka mahu boleh ditutup dengan meningkatkan hubungan mereka dan dengan mengurangkan jangkaan mereka mengenai hubungan. Bagi yang meningkatkan hubungan adalah satu cara yang aktif dalam menangani ketegangan yang membayangkan untuk mengubah hubungan orang-alam sekitar. Manakala bagi menurunkan jangkaan membayangkan mengawal emosi yang dikaitkan dengan hubungan. Untuk menghadapi kesunyian, meningkatkan hubungan yang bermaksud untuk melabur dalam kenalan adalah satu cara yang berorientasikan masa depan untuk dihadapi oleh mereka manakala menurunkan

jangkaan adalah bertujuan untuk mengawal emosi pada masa kini. Kajian sebelum ini mengatakan bahawa untuk menghadapi tekanan akan menunjukkan bahawa orang dewasa yang lebih tua akan menggunakan aturan cara menghadapi dengan lebih kerap dan aktif untuk menghadapi kurang kerap daripada orang dewasa pada usia yang muda (Eric, Theo & Tineke, 2012).

Oleh itu, kajian ini akan meneroka emosi kesunyian dan daya tindak dalam kalangan warga tua di Rumah Seri Kenangan Sarawak. Tentang konflik emosi yang dihadapi oleh mereka ketika berada di rumah kebajikan warga tua tersebut, mengenai rutin seharian mereka dan mengenai hubungan mereka juga dengan anak-anak atau keluarga mereka serta dengan penghuni lain juga akan ditinjau. Hasil kajian ini harap dapat mengetahui dan menentukan sama ada warga tua yang menghuni rumah kebajikan warga tua ini menghadapi emosi kesunyian ataupun tiada dan apakah daya tindak yang dilakukan dalam membantu mereka.

## **1.2 Penyataan Masalah**

Antara-antara masalah yang dihadapi atau yang dialami di kalangan warga tua ini ialah mengenai masalah emosi kesunyian mereka samada mereka sedar ataupun tidak jika mereka mempunyai emosi kesunyian itu ada atau tiada. Jika mereka sedar bahawa mereka mempunyai masalah emosi kesunyian itu dan apakah punca emosi kesunyian itu wujud dalam diri mereka serta apakah yang mereka lakukan untuk mengatasinya dan apakah daya tindak yang mereka lakukan untuk mengawal atau menghilangkan emosi kesunyian yang mereka hadapi itu.

Persoalan atau tanda tanya yang ada dalam masyarakat adalah mengapa emosi kesunyian ini dialami oleh hampir semua warga tua yang duduk dalam rumah

kebajikan warga tua tersebut malah ianya menjadi satu amalan atau tren untuk generasi muda dan anak-anak sekarang untuk meninggalkan ibu bapa mereka di rumah kebajikan warga tua dengan alasan mereka sibuk dalam kehidupan seharian. Anak-anak dengan pelbagai kerja yang harus mereka lakukan dan jauh untuk menjenguk kedua ibu bapa mereka. Beberapa kajian lepas mengatakan bahawa punca emosi kesunyian ini berlaku pada warga tua adalah kerana anak-anak mereka yang meninggalkan mereka di rumah kebajikan warga tua tersebut kerana tiada masa untuk menjaga ibu bapa mereka kerana sibuk bekerja. Kesan kepada warga tua ialah rasa kehilangan dan perubahan hidup, penyakit kronik, ketidakupayaan fizikal dan kekurangan sokongan sosial yang boleh meningkatkan dan mendatangkan risiko kesunyian di kalangan warga tua tersebut. Warga tua yang berdepan risiko dalam emosi kesunyian ini juga tidak mempunyai hubungan yang baik dan rapat dengan anak-anak mereka sehinggakan anak-anak mereka hanyalah mengunjungi dengan purata dua kali setahun sahaja dan mereka jarang sekali dihubungi oleh anak-anak dan keluarga mereka. Warga tua yang menduduki rumah kebajikan merasakan tidak semua penghuni rapat antara sama lain dan hanya terdapat seorang ahli kenalan yang mereka rapat sahaja malah mereka mempunyai pandangan yang negatif terhadap orang lain yang menghuni rumah kebajikan tersebut dan kepada kakitangan yang ada di sana juga (Siti Marziah, Khadijah & Nasrudin, 2013).

Menurut Eric, Theo & Tineke (2012), terdapat beberapa daya tindak yang dilakukan oleh warga tua wanita yang mengalami kesunyian iaitu meningkatkan perhubungan dan merendahkan jangkaan. Meningkatkan perhubungan ialah membuat kawan baru dan mewujudkan semula dengan kawan lama manakala merendahkan jangkaan ialah tidak menjangkakan bahawa anak akan datang menjenguk seperti selalu. Tetapi daya tindak yang dilakukan tersebut tidak selalunya diamalkan oleh

setiap dalam diri individu kerana ianya bergantung kepada personaliti dan emosi setiap warga tua wanita tersebut yang sentiasa berubah-ubah.

Oleh itu, kajian perlu dilakukan untuk mengetahui punca sebenar kesunyian ini berlaku dalam diri warga tua tersebut dan daya tindak dalam menghadapi emosi kesunyian dalam kalangan warga tua.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif-objektif kajian ini adalah seperti berikut:


- I. Meneroka punca-punca emosi kesunyian dalam kalangan warga tua di rumah Seri Kenangan Sarawak
- II. Meneroka daya tindak dalam menghadapi emosi kesunyian dalam kalangan warga tua di rumah Seri Kenangan Sarawak

### **1.4 Persoalan Kajian**

Pengkaji menjalankan kajian ini adalah untuk menjawab persoalan yang berikut;

- I. Apakah punca-punca emosi kesunyian dalam kalangan warga tua di rumah Seri Kenangan Sarawak?
- II. Apakah daya tindak dalam menghadapi emosi kesunyian dalam kalangan warga tua di rumah Seri Kenangan Sarawak?

## 1.5 Kerangka Kerja Konseptual Kajian



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian Emosi Kesunyian di Kalangan Warga Tua (Ismail Hussein Amzat, 2016).

Dalam kajian ini, Rajah 1 menerangkan mengenai kerangka kerja konseptual kajian. Kajian ini adalah untuk meneroka emosi kesunyian dan daya tindak dalam kalangan warga tua di Rumah Seri Kenangan Sarawak. Kerangka ini menerangkan jenis-jenis kesunyian yang mempunyai dua jenis iaitu kesunyian sosial berkaitan dengan penolakan oleh komuniti atau masyarakat sama ada secara langsung atau tidak langsung, manakala emosi kesunyian ditakrifkan dengan ketiadaan hubungan intimasi dengan orang lain. Dengan penerangan ini, ianya konseptualised bagi emosi kesunyian untuk membawa kepada faktor-faktor yang menyebabkan kesunyian ini berlaku di kalangan individu warga tua tersebut dan jenis daya tindak yang mereka gunakan dalam menghadapi kesunyian itu.

## 1.6 Definisi Istilah

### i. Penerokaan

Definisi konseptual untuk penerokaan ini ialah aktiviti mencari dan mencari untuk mengetahui sesuatu (Cambridge Dictionary, 2018). Dalam kajian ini, definisi penerokaan ialah untuk mengkaji yang lebih mendalam mengenai emosi kesunyian pada warga tua dan ingin mencari punca-puncanya berlaku.

### ii. Emosi

Definisi konseptual bagi emosi iaitu pengalaman kompleks kesedaran, sensasi badan, dan tingkah laku yang mencerminkan kepentingan peribadi sesuatu perkara, peristiwa atau keadaan urusan (Robert, 2018). Manakala dalam kajian ini, emosi ialah yang dikaitkan dengan perasaan individu tersebut atau hubungan seseorang dengan orang lain

### iii. Kesunyian

Kesunyian bagi definisi konseptual ialah merupakan kekurangan sebenar atau yang dirasakan oleh seseorang individu tersebut dalam sosial seseorang dan di samping simptom-simptom tekanan psikologi yang ada pada individu itu (Siti Marziah, Khadijah & Nasrudin, 2013). Manakala definisi kesunyian dalam kajian ini ialah wujud apabila seseorang berasa tidak mempunyai sesiapa, tidak diambil berat, tidak dihargai oleh orang lain dalam hidup individu tersebut, mengalami kekurangan perhubungan sosial dengan individu lain dan mengalami kesakitan dalaman ataupun jiwa.

#### iv. Daya tindak

Definisi konseptual bagi daya tindak ialah usaha kognitif dan tingkah laku rakyat untuk menguruskan permintaan khusus dinilai sebagai permintaan khusus dinilai sebagai mencukai atau melebihi sumber mereka (Eric, Theo & Tineke, 2012). Daya tindak yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah untuk mengurangkan tahap seseorang yang diingini untuk menghubunginya dan untuk mencari sesuatu yang menyeronokkan untuk dilakukana sendirian seperti membaca dan bercucuk tanam.

#### v. Warga tua

Bagi definisi konseptual untuk warga tua ialah individu yang berumur 60 tahun ke atas (JKM, 2016). Dalam kajian bagi definisi warga tua ialah golongan yang penuh dengan pengalaman pahit dalam kehidupan mereka.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

Antara kepentingan-kepentingan yang diperolehi melalui kajian yang dijalankan ini ialah kepada individu warga tua, keluarga, organisasi atau pusat kebajikan dan kepada menterian kebajikan atau masyarakat.

Kajian ini amat membantu yang terutamanya kepada individu itu sendiri iaitu warga tua tersebut kerana dengan adanya kajian ini, mereka boleh bercerita lebih lanjut tentang apa yang dipendamkan selama ini serta mereka boleh berkongsi tentang cara mereka menghadapi dan mengatasi emosi kesunyian tersebut dengan tidak secara langsung bahawa apa yang mereka kongsi tersebut boleh diaplikasikan atau diamalkan oleh individu lain juga.

Seterusnya kepada keluarga mereka, dapat memberikan kesedaran kepada